

13 OCT 1998

Sabbaruddin-Promosi

INDUSTRI PELANCONGAN PERLU PERBAHARUI PEMBIAYAAN PROMOSI

LANGKAWI, 13 Okt (Bernama) -- Industri pelancongan Malaysia memerlukan sektor kerajaan dan swasta memperbaharui pembiayaan bagi usaha-usaha promosi jangka panjang yang berkesan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut bersetuju akan perlunya promosi pelancongan secara meluas bagi membantu industri itu pulih daripada kegawatan ekonomi yang telah menyaksikan kemerosotan dalam jumlah ketibaan pelancong.

"Malah Dr Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat pada pukul 2.30 petang hari ini, dan apa yang ingin diberitahu Perdana Menteri kepada kita... saya tidak tahu ... mungkin sesuatu berkaitan dengan promosi atau kerjasama dengan sektor swasta," katanya selepas merasmikan Kumpulan Kerja Pelancongan (TW) Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-13 di sini.

Kira-kira 60 pegawai pelancongan termasuk dari Australia, Indonesia dan Singapura menghadiri mesyuarat dua hari itu.

Katanya sektor swasta dan kerajaan harus bekerjasama dalam mempromosikan industri itu.

"Kita perlukan sokongan untuk memulihkan industri pelancongan dan kita perlu wang untuk promosi kerana ia harus dilakukan sepanjang masa terutamanya pada masa sukar," katanya.

Ketika berucap Sabbaruddin berkata negara-negara anggota APEC perlu memainkan peranan yang lebih besar dan aktif menerusi kerjasama di kalangan negara anggota bagi meringankan krisis ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan pelancongan di negara yang terjejas.

"Malaysia, sehubungan itu, mahukan kerjasama semua negara-negara anggota supaya sama-sama mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah yang dihadapi industri pelancongan ini," katanya.

Sabbaruddin berkata pada masa krisis kewangan ini, industri pelancongan di sesetengah negara-negara anggota APEC telah terjejas teruk, dan adalah lebih penting untuk mengkaji semula program-program TWG bagi memastikan pertumbuhan mampan industri itu.

Katanya kawalan modal mungkin akan menyusahkan pelancong pada awalnya, tetapi diharapkan ia akhirnya memudahkan promosi pertumbuhan pelancongan dan pemulihan ekonomi.

Sabbaruddin juga berkata Malaysia menyokong objektif APEC melalui Deklarasi APEC di Seoul pada 14 Nov 1991 dan bersetuju dengan cadangan bahawa pertumbuhan pelancongan yang mampan di rantau APEC harus digalakkan bagi

Katanya usaha-usaha harus dibuat bagi mengetepikan halangan untuk memastikan kelancaran aliran pelancong manakala pembangunan sumber manusia harus digalakkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan pelancongan.

Bagi Malaysia, Sabbaruddin berkata industri pelancongan telah mendapat perhatian utama kerajaan yang menggalakkan dan membantu pembangunan industri itu.

Katanya kerajaan dan sektor swasta saling bekerjasama dalam membangunkan industri itu dan akan terus berbuat demikian pada masa depan.

"Malaysia kini telah menukar penekanannya dalam usaha pemasaran daripada menjual Malaysia secara keseluruhannya kepada menjalankan kempen berdasarkan sesuatu produk yang spesifik dan juga menggunakan strategi baru bagi pertumbuhan industri pelancongan menerusi pembabitan dalam acara sukan

dan rekreasi antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

NH RHM RON